

Headline	31 kawasan dicadang jadi PFE baharu		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	27 Jul 2024	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	7	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	357 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,327
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,980



31 kawasan dicadang jadi PFE baharu

RYNNA SHA'ERRA

KUCHING: Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Hutan Sarawak (JHS) telah mencadangkan 31 kawasan sebagai Hutan Simpan Kekal (PFE) baharu yang dijangka melibatkan kawasan seluas 814,437 hektar.

Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, Sarawak secara keseluruhannya mempunyai 67 Kawasan Terlingdung Sepenuhnya (TPA) dengan keluasan keseluruhan 2,118,249.53 hektar.

Keluasan keseluruhan itu meliputi kawasan tanah (land area) seluas 874,523.53 hektar dan badan air (water body) 1,243,726 hektar serta 118 PFE dengan jumlah keluasan

3,960,381 hektar.

"Selain itu, Jabatan Hutan Sarawak telah mencadangkan 31 kawasan sebagai PFE baharu yang dijangka melibatkan kawasan seluas 814,437 hektar.

"Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan memberi lebih banyak lagi peruntukan melalui Ecological Fiscal Transfer (EFT) untuk aktiviti konservasi," ujarnya.

Beliau berkata demikian sempena merasmikan sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di salah sebuah hotel di sini, semalam.

Dalam pada itu, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II itu memberitahu, Sarawak setakat ini, telah mewartakan seluas 12,950

hektar iaitu 19 peratus daripada keseluruhan keluasan hutan paya laut di negeri ini sebagai TPA.

Tambahnya, 11,084 hektar atau 16 peratus daripada keseluruhan keluasan hutan paya laut di Sarawak pula telah diwartakan sebagai PFE.

Dalam majlis sama, Awang Tengah dan dif-dif kehormatan yang lain turut menyempurnakan

GIMIK... Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan merasmikan sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 di salah sebuah hotel, semalam. • Foto ANDRE OLIVEIRO

peluncuran buku Status Bakau di Malaysia (Status of Mangroves in Malaysia) yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian

Alam Dato' Sri Huang Tiong Sii, Setiausaha Agung Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Datuk Dr Ching Thoo Kim dan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Datu Abdullah Julaihi.

